



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	20/7/2019	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Pengurusan kes penyanyi simpan beruang matahari 26 Ogos depan

**KUALA LUMPUR** - Mahkamah Sesyen di sini semalam menetapkan 26 Ogos depan sebagai pengurusan kes penyanyi, Zarith Sofia Yasin, 27, yang didakwa atas dua pertuduhan menyimpan dan mengurung seekor anak beruang matahari jantan di kediamannya bulan lalu.

Hakim Manira Mohd. Nor menetapkan tarikh itu semasa sebutan semula kes tersebut semalam.

Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Syamim Abd. Manan berkata, dokumen lengkap telah diserahkan kepada pihak pembelaan.

"Justeru, satu tarikh dipohon untuk pengurusan kes dan juga bagi pihak pembelaan untuk menfailkan representasi jika ada," katanya.

Bekas peserta program realiti yang dikenali sebagai



ZARITH

Pia diwakili peguam Tan Jiin Hock.

Pada 12 Jun lalu, penyanyi itu mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan berkenaan.

Mengikut pertuduhan pertama, Zarith Sofia didakwa menyimpan seekor beruang Matahari iaitu hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Jadual Kedua Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 tanpa permit khas.

Dia dituduh mengikut Seksyen 69(1) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 69(1) akta sama.

Penyanyi itu turut didakwa mengurung beruang berkenaan di dalam premis yang tidak sesuai atau kondusif bagi kesejahteraan atau kesihatan hidupan liar tersebut.

Dia didakwa melakukan kedua-dua kesalahan itu di sebuah unit rumah Kondominium Sentrio Pandan, Desa Pandan di sini pada pukul 8 malam, 6 Jun lalu.

*Kosmo!* baru-baru ini melaporkan satu video berdurasi 5 saat serta gambar kepala beruang matahari cuba keluar dari tingkap kondominium penyanyi itu tular di laman sosial.



KERATAN *Kosmo!* 9 Jun 2019.